

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA MASIDI MANJUN
MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN MENTERI KEWANGAN II NEGERI SABAH**

SEMASA MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2021

12 JANUARI 2021

Bismilahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Isnin Aliasnih
Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Yang Berbahagia Datuk Hajah Masnah Matsalleh
Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Yang Berusaha Tuan Mansur Asun dan Stanley Chong
Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Puan Rosmary Apling
Pengurus Besar
Lembaga Pembangunan Perumahan & Bandar

Puan Bernadette C Edmund
Pengarah
Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah

Puan Norhayati Abdul Majid
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai-Pegawai Eksekutif
Majlis Daerah dan Lembaga Bandaran

Pegawai-Pegawai Kanan
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan

Tuan-tuan / puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua kita diberi kesempatan untuk melangkah ke tahun baharu 2021. Belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2021 kepada semua yang hadir.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan atas kehadiran dalam Majlis pada hari ini sungguhpun di sebalik kesibukan tugas harian di daerah masing-masing terutamanya ketika kita berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19.
3. Sempena tahun baharu 2021 ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan berbilang terima kasih kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah terlibat dalam operasi Pusat Kawalan Bencana Daerah sepanjang tahun 2020 terutama sekali kepada petugas barisan hadapan (*frontliners*) PBT termasuklah semua Pegawai Penguatkuasa,

Pegawai Kesihatan dan lain-lain yang mana telah bertungkus lumus berkhidmat sepanjang pandemik COVID-19. Segala penat jerih tuan/puan sekalian dalam mengekang penularan COVID-19 di negeri ini amatlah saya hargai.

4. Tidak dinafikan bahawa pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada operasi dan perkhidmatan PBT dan secara langsung telah memberi kesan kepada prestasi kewangan PBT dalam tahun 2020.
5. Untuk makluman, Anggaran Peruntukan Tambahan (ASP) sebanyak RM106.6 juta untuk KKTP telah diluluskan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada November 2020 dan telahpun diproses serta dibayar kepada semua PBT. Bayaran ini meliputi bayaran untuk kehilangan hasil dan bayaran untuk sebahagian tunggakan caruman Kerajaan. Di kesempatan ini, saya ingin menggesa semua PBT untuk mengamalkan pengurusan kewangan yang cekap, efisien dan berhemah khususnya dalam mendepani cabaran semasa pandemik COVID-19 pada masa ini.
6. Sepertimana yang telah saya maklumkan dalam ucapan penggulungan saya semasa Persidangan DUN pada 22 Disember 2020 dan dinyatakan oleh Y.Bhg Datuk Hajah Masnah MatSalleh, Setiausaha Tetap KKTP sebentar tadi, beberapa inisiatif / program akan dilaksanakan oleh KKTP pada tahun 2021.
7. Antara yang utama ialah pelaksanaan program latihan melibatkan silibus kompetensi mengenai perancangan dan pembangunan pekan dan bandar kepada semua Pegawai Eksekutif bagi meningkatkan kecekapan mereka dalam merancang pembangunan di kawasan pentadbiran masing-masing.

8. Dalam usaha untuk meningkatkan kutipan hasil PBT, semua PBT telah diminta untuk mengenakan cukai pintu ke atas kilang kelapa sawit bermula pada tahun 2021.
9. Selain itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memutuskan agar PBT tidak mengenakan cukai pintu ke atas harta khas (*special properties*) milik Sabah Electricity Sdn Bhd bermula pada awal tahun ini.
10. Dalam tahun 2021, KKTP juga akan mengkaji semula dasar-dasar perumahan bagi menetapkan saiz minima untuk setiap perumahan baharu dan memastikan penyediaan kemudahan internet dijadikan sebagai salah satu keperluan atau komponen utama dalam pelan pembangunan perumahan termasuk pangsapuri dan kondominium.
11. Pada masa yang sama, KKTP juga akan memuktamadkan penggubalan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Sabah serta mengemaskini dan menyeragamkan Undang-Undang Kecil Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Penyedut Minuman di Premis-Premis Perniagaan dan Undang-Undang Kecil bagi Kutipan Fi Utiliti dan Ameniti Kerajaan Tempatan.
12. Saya juga ingin menggesa agar semua cadangan projek BP1 untuk diperakukan segera oleh KKTP sebelum dikemukakan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Semua kerja pembangunan projek berkenaan hendaklah dilaksanakan mengikut Tatacara Kewangan dan Arahan Perbendaharaan / *Financial Instruction of Local Authority Sabah (FILAS)*.

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

13. Selaras dengan aspirasi ke arah pendigitalan perkhidmatan / Kerajaan Digital Pintar, sukacita saya ingin menyeru semua Ketua Jabatan / Presiden dan Pegawai Eksekutif PBT untuk mempergiatkan pembangunan sistem dan menaiktaraf sistem sedia ada untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan / *stakeholders*. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Daerah Penampang atas inovasi digitalisasi yang telah dilaksanakan dengan pelancaran Sistem Lesen Majlis berkenaan baru-baru ini.
14. Saya juga berharap agar usaha akan dipergiatkan untuk menaiktaraf Majlis Perbandaran Sandakan sebagai Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran Penampang sebagai Majlis Perbandaran. Saya juga berharap pihak MPS dan MDP akan mengambil tindakan susulan untuk mempercepatkan pelaksanaan perkara tersebut. Saya ingin menggesa agar PBT lain akan meningkatkan usaha agar lebih maju dan dapat dinaiktaraf ke tahap yang lebih tinggi.
15. Bagi memastikan halatuju utama Kementerian untuk memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT, saya ingin menyeru agar semua Pegawai Kementerian ini termasuk semua Pegawai Kanan, Presiden dan Pegawai Eksekutif untuk menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab serta meningkatkan penguasaan ilmu, kemahiran dan kompetensi khususnya dalam bidang Teknologi Maklumat dan teknologi-teknologi baharu yang lain. Ini seiring dengan

aspirasi kerajaan untuk melahirkan modal insan yang celik IT di samping mendokong inisiatif pendigitalan kerajaan.

16. Dalam keghairahan kita untuk merangka startegi untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan, saya ingin memberi peringatan kepada semua Pegawai Kementerian termasuk semua Presiden dan Pegawai Eksekutif agar sentiasa patuh kepada semua peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.
17. Selain itu, saya juga ingin menasihatkan Y.Bhg. Datuk / tuan / puan dan kakitangan masing-masing untuk memantapkan sahsiah dan integriti diri serta melaksanakan sistem kerja yang cekap dan berprestasi tinggi. Saya difahamkan bahawa semua agensi telah diminta untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah di peringkat organisasi masing-masing dalam usaha untuk meningkatkan tahap integriti kakitangan dan menangani isu-isu integriti, tadbir urus dan antirasuah.
18. Bagi mempercepatkan lagi tindakan-tindakan ke atas aduan awam supaya Kementerian dapat memberi respon dan mengambil tindakan segera dengan cekap dan berkesan, satu Unit Aduan Awam khusus di bawah Bahagian Inspektorat KKTP akan diwujudkan.
19. Seperti mana yang Y.Bhg. Datuk/tuan/puan telah sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat masih berkuatkuasa sehingga 14 Januari 2021. Oleh itu, saya menyeru agar PBT dapat memperhebatkan lagi usaha untuk membendung penularan COVID-19 di kawasan pentadbiran masing-masing. Saya juga ingin merayu agar semua pihak akan terus patuh kepada SOP yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

20. Dengan usaha dan doa berterusan kita semua, Inshaa Allah kita akan dapat mengharungi pandemik COVID-19 di negeri ini. Sama-samalah kita menjaga kesihatan diri dan keluarga dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19.

21. Akhir kata, sukacita saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Y.Bhg. Datuk Hajah Masnah MatSalleh, Setiausaha Tetap KKTP dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Penganjur Majlis Amanat Tahun Baharu 2021 atas penganjuran cemerlang Majlis pada hari ini.

Sekian, terima kasih.